

## **Badan Melayu Berperanan Sebar Inisiatif Skillsfuture**

**Berita Harian**, 13 March 2015

Badan Melayu/Islam mempunyai peranan untuk dimainkan dalam membantu menyebarkan manfaat inisiatif SkillsFuture kepada setiap lapisan masyarakat.

Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwal Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim, berkata badan itu diharap dapat berganding bahu dan mengongsi kepakaran serta sumber yang digunakan bagi program jangkauan mereka dalam usaha mendampingi anggota masyarakat tentang inisiatif itu.

Dr Yaacob berkata demikian kepada media di hujung Forum Dasar Pasca Belanjawan 2015 Yayasan Mendaki kelmarin yang dihadiri 60 wakil badan Melayu/Islam Singapura.

"Kita tahu bahawa inisiatif SkillsFuture ialah satu inisiatif yang penting dan akan membawa manfaat kepada masyarakat kita. Tapi yang penting ialah kita harus menentukan bahawa mereka faham apakah SkillsFuture dan bagaimana mereka boleh mengambil bahagian," kata Dr Yaacob yang membentuk panel forum itu bersama Anggota Parlimen (AP) GRC Pasir Ris-Punggol, Encik Zainal Sapari, dan pakar sosiologi daripada Universiti Nasional Singapura (NUS), Dr Tan Ern Ser.

Kebanyakan soalan yang diajukan peserta forum itu berkaitan SkillsFuture yang antara lain menawarkan kredit bermula dengan jumlah \$500 yang boleh digunakan bagi meningkatkan kemahiran diri warga berusia 25 tahun ke atas.

Ada peserta bertanya apakah kredit \$500 itu mencukupi bagi warga menimba kemahiran baru dan ada juga bertanya tentang cara memastikan manfaat inisiatif itu sampai ke setiap anggota masyarakat yang layak menerimanya.

Anggota Lembaga Pengarah Mendaki dan pengurus Jawatankuasa SG50 Kita, Encik Sallim Abdul Kadir, ketika ditemui kelmarin berkata usaha meningkatkan kesedaran tentang inisiatif SkillsFuture di kalangan masyarakat memang perlu tetapi ia memerlukan banyak kakitangan.

"Masyarakat kita harus membuat sesuatu supaya kita dapat menjangkau kepada mereka yang hendak memanfaatkannya dan ini harus dijalankan semasa enam atau sembilan bulan (sebelum pelancaran).

"Tempoh jangkauan yang panjang diperlukan kerana masyarakat kita luas dan kakitangan bagi melakukan jangkauan itu tidak cukup," kata Encik Sallim.

Beliau berkata satu cara mengatasi masalah kekurangan kakitangan ialah dengan menggalak masjid dan asatizah berkongsi tentang peluang peningkatan diri yang disediakan pemerintah sebelum memulakan ceramah atau kelas agama.

Presiden Persatuan Pemudi Islam Singapura (PPIS), Cik Rahayu Mohamad, pula berkata pihaknya bersedia memainkan peranan menjangkau kepada suri rumah bagi menggalak mereka menimba kemahiran baru menerusi inisiatif Kredit SkillsFuture dan kembali bekerja.

"Badan Melayu/Islam boleh bekerjasama bagi memikirkan bagaimana kita dapat mengongsi maklumat ini kepada wanita di luar sana dan juga kepada masyarakat amnya supaya mereka dapat membuat sesuatu untuk memanfaatkan skim yang telah disiapkan pemerintah," kata Cik Rahayu.

Sedang pemerintah mengurangkan rintangan supaya ramai dapat meningkatkan kemahiran, Dr Yaacob berkata anggota masyarakat perlu melakukan penilaian diri dan mengetahui pasaran bagi menentukan kemahiran yang diperlukan bagi mendapat pekerjaan yang diinginkan.

"Apakah latihan yang kita perlukan dan apakah latihan itu akan membawa satu pekerjaan yang kita inginkan? Jadi kita harus faham apakah pasaran, di manakah tenaga diperlukan dan apakah kemahiran yang diperlukan," kata Dr Yaacob sambil menambah bahawa banyak peluang pekerjaan ada dalam bidang teknologi maklumat (IT).